



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

20 JANUARI 2026 (SELASA)

Kebun Jadi Gelanggang Sabung Ayam, Judi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	12	20 Jan

Kebun jadi gelanggang sabung ayam, judi

KLANG – Keseronokan sekumpulan 72 kaki judi termasuk warga asing menyabung ayam dan bermain bola golek di sebuah kebun berakhir apabila diserbu sepasukan polis dalam Op Cakar di sebuah pangsapuri di sini kelmarin.

Kesemua kaki judi berusia antara 20 hingga 70 tahun itu ditahan pada pukul 5.30 petang dan siasatan mendapati sindiket telah mengubah nama lorong untuk mengelirukan pihak berkuasa.

Ketua Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar berkata, sebahagian suspek cuba melarikan diri, namun gagal.

"Kebun itu menjadi tapak berjudi pada setiap Ahad. Per-

taruhan bagi setiap perlawanan sabung ayam mencecah sehingga RM10,000.

"Dua daripadanya merupakan penganjur, 41 orang tempatan dan 31 warga asing. Turut disita, wang tunai RM55,075, peralatan perjudian, 14 ayam hidup dan empat ayam mati," katanya.

Penganjur itu mendakwa ayam itu pada awalnya dipelihara sebelum rakan-rakan mengajaknya untuk dijadikan ayam sabung pada hujung minggu.

"Ini bergantung kepada jumlah pemain yang membawa sendiri ayam mereka untuk tujuan pertarungan sehingga ribuan ringgit," katanya.



ANGGOTA polis memeriksa sebahagian kaki judi laga ayam dan bola golek yang ditahan di sebuah kebun di Klang kelmarin.

Permintaan Telur Masin Meningkat Menjelang Puasa

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	28	20 Jan

NORMURNI Jamaludin membersihkan telur itik sebelum diproses menjadi telur masin di Kampung Sungai Suli, Kampung Bahagia, Teluk Intan, Perak.



Permintaan telur masin meningkat menjelang puasa

TELUK INTAN: Permintaan terhadap telur itik masin meningkat menjelang bulan Ramadan, menyebabkan seorang pengusaha di Kampung Sungai Suli, Kampung Bahagia di sini, tidak menang tangan menyiapkan tempahan pelanggan.

Pengusaha telur itik masin, Normurni Jamaludin, 48, berkata, permintaan pada Ramadan kali ini melonjak sehingga 7,000 biji seminggu berbanding sekitar 4,000 biji pada bulan-bulan biasa.

Menurutnya, peningkatan tersebut didorong permintaan tinggi pelanggan tetap dan peniaga makanan yang menggunakan telur masin sebagai bahan utama juadah berbuka puasa.

"Pada Ramadan ini, saya

perlu memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Alhamdulillah bekalan telur itik mencukupi kerana ladang kami mempunyai lebih 2,000 ekor itik," katanya ketika ditemui di ladang itiknya di Sungai Suli, Kampung Bahagia di sini.

Normurni berkata, pada Ramadan sebelum ini dia terpaksa menolak sebahagian tempahan berikutan kekurangan tenaga kerja untuk memproses telur masin.

"Sekarang ini saya dibantu oleh dua orang pekerja sekali gus membolehkan kami menyiapkan tempahan tanpa mengecewakan pelanggan," katanya.

Menurutnya, dengan kerjasama suaminya, Mohamad Roslan

Ishak, 52, telur masin yang dihasilkan diedarkan ke beberapa daerah termasuk Bagan Datuk, Tapah, Manjung dan sekitar Teluk Intan selain ke pasar serta kedai-kedai runcit.

Katanya, persediaan awal dibuat bagi memastikan bekalan mencukupi sepanjang Ramadan.

"Proses pembersihan telur dilakukan secara teliti bagi mengelakkan bau hanyir sebelum dijemur selama sehari dan diperam dalam air garam antara lapan hingga 14 hari.

"Telur itik yang lemak dan tidak terlalu masin paling mendapat sambutan. Ada pelanggan yang datang sendiri untuk membeli dan ada juga yang kami hantar terus," katanya.

Rakan Ajak Sabung Ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	6	20 Jan



REBAN yang menempatkan ayam sabung. - Gambar NSTP: AIZUDDIN SAAD



IWAN Pirang (tengah) dipercayai ketua dan penganjur perjudian laga ayam yang turut ditahan.



DURI dan peralatan yang digunakan dalam perjudian.



ANGGOTA polis menunjukkan ayam sabung yang mati selepas kalah dalam pertarungan.

72 LELAKI DITAHAN TERBABIT AKTIVITI PERJUDIAN

RAKAN AJAK SABUNG AYAM!

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Klang

Bukan saja papan tanda nama jalan diubah suai dengan meletakkan namanya, malah seorang lelaki warga Indonesia turut menjadikan tanah lapang di hadapan Pangsapuri Sri Angkasa, Taman Bayu Perdana, di sini, sebagai tempat perjudian sabung ayam.

Papan tanda jalan itu yang asal ialah Lorong Pangsapuri Sri Angkasa, tetapi, ditukar kepada Lorong Iwan Pirang sempena namanya.

Lelaki berusia 42 tahun itu antara 72 individu yang ditahan dalam serbuan Bahagian Kongsy Gelap, Perjudian dan Maksiat (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor menerusi Op Cakar, kelmarin.

Wartawan yang turut menyertai operasi terbabit mendapati kawasan tanah lapang yang juga kebun haram itu yang ditanam pokok pisang turut dipagar dengan zink bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Turut dijana ialah reban ayam serta tandas dan sebuah pondok kecil bagi menjalankan aktiviti itu.

Lelaki warga Indonesia

yang dikenali 'Iwan Pirang' ketika ditemui berkata, dia pada mulanya hanya berniat untuk memelihara ayam, namun dia mendakwa rakan-rakan mengajaknya mengadakan pertandingan ayam sabung.

Menurutnya, kegiatan menyabung ayam ini baru dilakukannya beberapa bulan lalu dan kebiasaannya diadakan pada Ahad bermula jam 3 petang hingga 5 petang.

"Saya mulanya suka-suka memelihara ayam, namun tidak menjadi sebelum ada rakan mengajak mengadakan sabung ayam ini.

"Keuntungan diperoleh tidak menentu, namun boleh mencecah ke RM4,000 dalam sehari," katanya ketika ditemui.

Katanya, mereka yang melakukan aktiviti itu kebanyakannya tinggal di kawasan ini dan membaya sendiri ayam dan dia hanya menyediakan tempat untuk menyabung ayam.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar berkata, IPK Selangor menumpaskan satu sindiket perjudian sabung ayam dan bola golek dalam serbuan Op

Cakar.

Menurutnya, serbuan yang dilakukan pada jam 5.30 petang oleh Bahagian D7 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) IPK Selangor itu turut disertai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor.

"Seramai 72 lelaki berusia antara 20 hingga 70 tahun ditahan kerana disyaki terbabit dalam aktiviti perjudian dan sabung ayam di lokasi berkenaan.

"Tangkapan merangkumi dua lelaki bertindak sebagai penganjur serta 70 pemain, terdiri daripada 41 warganegara dan 31 bukan warganegara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, polis turut merampas wang tunai

RM55,075 selain pelbagai peralatan perjudian, manakala pihak veterinar menemui 14 ekor ayam hidup serta empat ekor ayam mati yang dipercayai akibat aktiviti sabung berkenaan.

"Hasil siasatan awal mendapati sindiket itu sudah beroperasi sejak enam bulan lalu, menggunakan kawasan kebun haram yang terlindung sebagai lokasi perlawanan yang diadakan setiap Ahad.

"Nilai pertaruhan bagi setiap perlawanan sabung ayam dilaporkan mencecah sehingga RM10,000," katanya.

Katanya, kesemua individu yang ditahan kini direman di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Klang Selatan bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 32 Akta Kebajikan Haiwan 2015 serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

“Seramai 72 lelaki berusia antara 20 hingga 70 tahun ditahan”
Shazeli



JPV Pahang Perkenal Klinik Veterinar Bergerak Pertama Di Pantai Timur

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	Dalam Talian	20 Jan



Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar JPV Pahang, Dr Zakaria Ahmad memberi rawatan pada kucing dalam klinik veterinar bergerak. - Foto MOHD RAFI MAMAT

KUANTAN: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang menyediakan klinik veterinar bergerak serba lengkap yang pertama di Pantai Timur bagi kegunaan memberi rawatan pada haiwan peliharaan di kawasan luar bandar.

Klinik berkenaan dilengkapi bilik untuk rawatan, bedah, bius, kurungan, ruang pendaftaran dan menunggu. Ia mula beroperasi kelmarin sempena program Kampungku Ceria di Tasik Paya Besar, di sini.

Pengarah JPV Pahang, Dr Norhaliza Abdul Halim berkata, klinik veterinar bergerak itu dijangka ke setiap daerah di negeri itu setiap bulan bagi memberi perkhidmatan yang diperlukan haiwan seperti kucing, anjing, arnab dan hamster.

Beliau berkata, pihaknya memberi tumpuan pada rawatan seperti pemberian vaksin, ubat cacing dan ubat kutu termasuk aktiviti pemandulan serta pembedahan kecil yang perlu

dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa haiwan peliharaan itu.

"Di bahagian luar klinik bergerak ini terdapat pentas menonton televisyen yang menyalurkan pelbagai maklumat berkaitan kemudahan rawatan dan penjagaan haiwan peliharaan.

"Kita mampu memberi rawatan antara 40 hingga 50 ekor haiwan peliharaan sehari bergantung pada jenis rawatan yang diberikan. Untuk pemberian vaksin, ubat cacing dan ubat kutu akan mengambil masa kira-kira 10-15 minit hingga sejam bagi pemandulan," katanya, di sini hari ini.

Norhaliza menambah, bayaran serendah RM5 dikenakan bagi rawatan seperti suntikan vaksin, ubat cacing dan ubat kutu. Bagi pemandulan dikenakan RM80 bagi kucing jantan dan RM120 kucing betina.

Sementara itu, Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar JPV Pahang, Dr Zakaria Ahmad berkata, klinik veterinar bergerak memudahkan pemilik haiwan peliharaan mendapatkan kemudahan rawatan.

"Klinik veterinar bergerak dikendalikan tujuh kakitangan termasuk tiga

penolong pegawai veterinar yang akan memberi rawatan. Kita berharap perkhidmatan bergerak yang disediakan ini mendapat sambutan daripada pemilik haiwan peliharaan di negeri ini," katanya.-[BERITAHARIAN](#)

Klinik Veterinar Bergerak Pertama di Pantai Timur

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	20 Jan



Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar JPV Pahang, Dr Zakaria Ahmad memberi rawatan pada kucing dalam klinik veterinar bergerak yang kali pertama digunakan. FOTO MOHD RAFI MAMAT

Kuantan : Jabatan sempena program Perkhidmatan Veterinar Kampungku Ceria di Tasik (JPV) Pahang memiliki klinik Paya Besar, di sini.

veterinar bergerak serba lengkap yang pertama di Pantai Timur bagi kegunaan memberi rawatan buat haiwan peliharaan di kawasan luar bandar di negeri ini.

Klinik berkenaan dilengkapi dengan bilik bedah, bilik bius, bilik rawatan, bilik kurungan, ruang pendaftaran dan ruang menunggu.

Ia mula beroperasi kelmarin

Pengarah JPV Pahang, Dr Norhaliza Abdul Halim berkata, klinik veterinar bergerak dijangka ke setiap daerah di negeri ini setiap bulan bagi memberi perkhidmatan yang diperlukan haiwan seperti kucing, anjing, arnab dan hamster.

Menurutnya, pihaknya memberi tumpuan kepada rawatan seperti pemberian

vaksin, ubat cacing dan ubat kutu termasuk aktiviti pemandulan serta pembedahan kecil yang perlu dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa haiwan peliharaan itu.

Katanya, sebelum ini pemilik haiwan peliharaan terpaksa datang ke klinik JPV dan klinik swasta bagi mendapatkan rawatan haiwan mereka, namun selepas ini mereka hanya perlu menunggu klinik veterinar bergerak datang ke tempat mereka.

"Kita mampu memberi rawatan antara 40 hingga 50 ekor haiwan peliharaan sehari bergantung pada jenis rawatan yang diberikan. Untuk pemberian vaksin, ubat cacing dan ubat kutu akan mengambil masa kira-kira 10, 15 minit hingga sejam bagi pemandulan," katanya, di sini hari ini.

Norhaliza berkata, bayaran serendah RM5 dikenakan bagi rawatan seperti suntikan vaksin, ubat cacing dan ubat kutu. Bagi pemandulan dikenakan RM80 bagi kucing jantan dan RM120 kucing betina.

Sementara itu, Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar JPV Pahang, Dr Zakaria Ahmad berkata, klinik veterinar bergerak dapat memberi kemudahan

kepada pemilik haiwan peliharaan mendapatkan kemudahan rawatan haiwan mereka dengan lebih mudah dan jimat.

"Kita akan datang ke lokasi ditetapkan di kawasan luar bandar, pemilik haiwan boleh datang secara berkumpulan membawa kucing, anjing, arnab dan hamster.

Dengan cara itu dapat menjimat kos selain memberi lebih keselesaan pada haiwan.

"Klinik veterinar bergerak dikendalikan tujuh kakitangan termasuk tiga penolong pegawai veterinar yang akan memberi rawatan. Saya berharap perkhidmatan bergerak yang disediakan ini mendapat sambutan daripada pemilik haiwan peliharaan di negeri ini," katanya.-[MYMETRO](#)

Sindiket Judi Sabung Ayam, Bola Golek di Klang Terbongkar, 72 Lelaki ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Dalam Talian	19 Jan



Ayam yang ditemui pada serbuan sindiket perjudian sabung ayam yang dilakukan oleh anggota-anggota D7 (Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat) PDRM di Klang, Selangor. Foto SADIQ SANI, 18 JANUARI 2026

KUALA LUMPUR – Sindiket perjudian sabung ayam dan bola golek berjaya dilumpuhkan menerusi Op Cakar di kawasan kebun haram dekat Pangsapuri Bayu Perdana, Klang, Selangor, semalam.

Serbuan bermula sekitar jam 5.30 petang itu dijalankan oleh Bahagian D7 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor.

Krew MalaysiaGazette yang mengikuti operasi itu mendapati kawasan terbabit dipagari dengan kepingan zink dan ia dijadikan sebagai penanda untuk pemain yang terletak kira-kira 10 hingga 15 meter dari blok pangsapuri berkenaan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar berkata, dalam serbuan itu pihaknya telah menahan seramai 72 lelaki berusia antara 20 hingga 70 tahun disyaki terlibat dalam aktiviti itu di lokasi

berkenaan.

Tambah beliau, hasil



Sekumpulan penjenayah judi yang terdiri daripada warga asing dan warga tempatan ditahan pada serbuan sindiket perjudian sabung ayam yang dilakukan oleh anggota-anggota D7 (Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat) PDRM di Klang, Selangor. Foto SADIQ SANI, 18 JANUARI 2026

“Kesemua tangkapan membabitkan dua lelaki yang bertindak sebagai penganjur, dan 70 orang pemain terdiri daripada 41 warga tempatan dan 31 bukan warga negara.

“Pemeriksaan pihak Veterinar Selangor pula, menemui 14 ekor ayam hidup dan empat ekor ayam telah mati dipercayai akibat aktiviti sabung tersebut.

“Siasatan awal mendapati, sindiket ini telah beroperasi kira-kira enam bulan dengan menjadikan kawasan kebun haram yang terselindung sebagai lokasi perlawanan setiap hari ahad,” katanya dalam kenyataan hari ini.

semakan mendapati nilai pertaruhan bagi setiap perlawanan sabung ayam dilaporkan mencecah sehingga RM10,000.

Berikutan itu katanya, dalam operasi terbabit polis telah menyita wang berjumlah RM55,057 dan merampas pelbagai peralatan perjudian.

“Kesemua suspek kini ditahan di Ibu Pejabat Polis (IPD) Klang Selatan untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 32 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1959/63.

Tegasnya, polis akan terus

mempergiatkan operasi
membanteras perjudian
haram dari semasa ke
semasa dan orang ramai
digesa memaklumkan
sebarang aktiviti jenayah
demi keselamatan serta
kesejahteraan komuniti di
Selangor. –

MALAYSIAGAZETTE

Guna Istilah 'Lunak' Pujuk Rakyat Terima Ternakan Babi?

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harakah Daily	Nasional	Dalam Talian	19 Jan



SHAH ALAM: Kerajaan Negeri Selangor diingatkan agar tidak menggunakan istilah lunak seperti 'zero discharge' (sifar pelepasan) dan 'zero emission' dalam isu penternakan babi moden sekiranya realiti pengurusan sisa tersebut tidak selari dengan gambaran diberikan.

Ketua Penerangan PAS Selangor, Yusfarizal Yussoff berkata, istilah tersebut seolah-olah menggambarkan tiada langsung bau, tiada sisa yang terkeluar dan industri tersebut menjadi bersih sepenuhnya, sedangkan

hakikat teknikalnya adalah berbeza.

Menurutnya, walaupun cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Selangor untuk menggunakan sistem biogas bagi menguraikan najis di dalam tangki pencernaan (digester) untuk menghasilkan tenaga metana adalah satu langkah ke hadapan, namun ia tetap menghasilkan sisa akhir yang perlu dirawat.

"Adakah najis babi yang telah diproses sedemikian tiada

sisanya yang perlu dirawat? Jawabannya tidak sama sekali.

“Najis babi yang telah memasuki proses penguraian itu akan menghasilkan enapcemar (separa cecair) yang perlu dirawat. Ia tidak boleh dilepaskan begitu sahaja,” tulis beliau dalam hantaran di facebooknya.

Yusfarizal menjelaskan, walaupun enapcemar yang mendapat boleh dijadikan baja, enapcemar cecair yang terhasil wajib dirawat semula supaya menepati kualiti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum dilepaskan ke sistem saliran.

“Perkara ini turut disahkan dalam Garis Panduan Pengurusan Sisa Buangan Ternakan Babi (Edisi 1, Cetakan 2019) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar,” tegasnya.

Beliau turut meluahkan kebimbangan mengenai aspek praktikal pelaksanaan sistem tersebut yang berisiko berdepan kegagalan mekanikal.

“Itu atas kertasnya, secara praktikalnya kita pun masih ragu-ragu. Apa jadi kalau digester itu bocor? Apa jadi kalau enapcemar terlepas keluar tanpa dirawat?” soalnya.

Dalam pada itu, beliau membangkitkan persoalan mengenai skala penternakan yang diperlukan untuk menjana tenaga biogas yang berbaloi secara komersial.

Menurutnya, untuk menjana 1MW tenaga biogas, ia memerlukan jumlah najis yang sangat besar, sekaligus membayangkan kemungkinan peningkatan jumlah ternakan babi di negeri tersebut.

“Lagi banyak babi, lagi banyak najis. Lagi banyak najis, lagi banyak Metane (gas) boleh dihasilkan. Baru untung.

“Itulah sebab kenapa di Pulau Pinang, timbul cadangan untuk angkut najis babi naik lori ke kilang biogas di Valdor suatu ketika dahulu, dipercayai untuk cukupkan bekalan najis babi, namun akhirnya tidak menjadi,” ujarnya.

Justeru, beliau mendesak Kerajaan Negeri supaya tidak mempermudah istilah ‘zero discharge’ sedangkan banyak perincian teknikal dan keselamatan belum dimuktamadkan.

“Sehingga kini rakyat masih tertanya-tanya mengenai lokasi sebenar projek, ketiadaan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA),

serta kejelasan mengenai zon penampungan dan lantikan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)," hujahnya lagi.

Yusfarizal turut berkata, pentadbiran Dato' Seri Amirudin Shari dilihat perlahan dalam menangani isu ini walaupun telah memegang tampuk pemerintahan sejak tahun 2018.

"Kepada Kerajaan Selangor, tolonglah buat kerja betul-betul. Kerajaan YAB (Yang Amat Berhormat) Dato' Amiruddin ini daripada 2018 lagi. Betullah Kerajaan Persekutuan bertukar dan Exconya berbeza, tapi Menteri Besarnya orang yang sama.

"Jadi soalan jujur saya, daripada tahun 2018 hingga tahun 2025 ini kita buat apa?" soalnya. –

[HARAKAHDAILY](#)

Warga Asing Selamba Tukar Nama Jalan, Jadikan Kawasan Lapang Tempat Kegiatan Sabung Ayam			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Says.com	Seismik	Dalam Talian	19 Jan



Sebuah nama papan tanda jalan telah ditukar sempena nama warga asing yang turut menjalankan kegiatan perjudian sabung ayam di kawasan itu.

Menerusi laporan Berita Harian, papan tanda nama jalan itu yang pada asalnya dipanggil Lorong Pangsapuri Sri Angkasa ditukar kepada Lorong Iwan Pirang sempena namanya.

Lelaki warga Indonesia berusia 42 tahun itu antara 72 individu yang ditahan dalam serbuan Bahagian Kongsy Gelap, Perjudian dan

Maksiat (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor menerusi Op Cakar di sebuah kebun haram berhadapan Pangsapuri Sri Angkasa, Taman Bayu Perdana di sini, semalam.

Kebun haram yang mempunyai tanaman pokok pisang itu turut dilihat dipagar dengan zink bagi mengelak dikesan pihak berkuasa di samping turut dibina reban ayam termasuk tandas dan sebuah pondok kecil bagi menjalankan aktiviti itu.

Warga asing yang dikenali sebagai 'Iwan Pirang' memberitahu dia pada mulanya hanya berniat untuk memelihara ayam, namun dia mendakwa rakan-rakan mengajaknya mengadakan pertandingan ayam.

Menurutnya, kegiatan menyabung ayam ini baru dijalankan beberapa bulan lalu dan kebiasaannya diadakan pada Ahad bermula 3 petang hingga 5 petang.

"Saya mulanya suka-suka menternak ayam, namun tidak menjadi sebelum ada rakan-rakan mengajak mengadakan sabung ayam ini. Keuntungan diperoleh tidak menentu namun boleh mencecah ke RM4,000 dalam sehari," katanya.

Katanya, mereka yang bermain kebanyakannya tinggal di kawasan tersebut dan membawa sendiri ayam di mana tempat untuk menyabung ayam sudah disediakannya.

Sindiket Perjudian Sabung Ayam dan Bola Golek Berjaya ditumpaskan Polis Kontinjen Selangor dalam Serbuan Ops Cakar

Ketua Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar berkata serbuan pada jam 5.30 petang oleh Bahagian D7 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) IPK Selangor itu turut

disertai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor.

"Seramai 72 lelaki berusia antara 20 hingga 70 tahun ditahan kerana disyaki terbabit dalam aktiviti perjudian dan sabung ayam di lokasi berkenaan.

"Tangkapan merangkumi dua lelaki bertindak sebagai penganjur serta 70 pemain, terdiri daripada 41 warga tempatan dan 31 warga asing," katanya.

Beliau berkata, polis turut merampas wang tunai RM55,075 selain pelbagai peralatan perjudian, manakala pihak veterinar menemukan 14 ayam hidup serta empat ayam mati yang dipercayai akibat aktiviti sabung berkenaan.

"Hasil siasatan awal mendapati sindiket itu sudah beroperasi sejak enam bulan lalu, menggunakan kawasan kebun haram yang terlindung sebagai lokasi perlawanan yang diadakan setiap Ahad.

"Nilai pertaruhan bagi setiap perlawanan sabung ayam dilaporkan mencecah sehingga RM10,000," katanya.

Menurutnya, kesemua individu yang ditahan kini direman di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Klang Selatan

bagi siasatan lanjut
mengikut Seksyen 7(2) Akta
Rumah Judi Terbuka 1953,
Seksyen 32 Akta Kebajikan
Haiwan 2015 serta Seksyen
6(1)(c) Akta Imigresen
1959/63.-SAYS.COM

Polis Tahan 72 Individu dalam Serbuan Judi Sabung Ayam di Klang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Tempatan	Dalam Talian	19 Jan



Polis menahan seramai 72 individu kerana terlibat dengan aktiviti perjudian sabung ayam fan bola golek di Kawasan kebun haram berdekatan Pangsapuri Bayu Perdana, Klang. - BERNAMA

Polis Selangor tahan 72 individu termasuk penganjur dalam serbuan judi sabung ayam dan bola golek di sebuah kebun haram di Klang

SHAH ALAM: Polis menahan 72 individu berusia 20 hingga 70 tahun kerana terlibat dengan aktiviti perjudian sabung ayam dan bola golek.

Serbuan di kawasan kebun haram berdekatan Pangsapuri Bayu Perdana, Klang itu dilakukan kira-kira 5.30 petang semalam.

Ketua Polis Selangor Datuk Shazeli Kahar berkata dua lelaki yang bertindak sebagai penganjur dan 70 orang pemain telah ditahan.

Daripada jumlah itu, 41 adalah warga tempatan manakala 31 lagi bukan warganegara.

"Sindiket berkenaan telah beroperasi selama enam bulan dengan menjadikan kawasan kebun haram yang terselindung sebagai lokasi perlawanan pada setiap Ahad," katanya.

Operasi yang dikenali sebagai Op Cakar itu turut menyita wang tunai berjumlah RM55,075 serta pelbagai peralatan perjudian. katanya.-[THESUN](#)

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor yang turut serta menemui 14 ekor ayam hidup dan empat ekor ayam yang telah mati.

Ayam yang mati itu dipercayai akibat aktiviti sabung ayam.

Siasatan lanjut mendapati nilai pertaruhan bagi setiap perlawanan sabung ayam di situ mampu mencecah sehingga RM10,000.

Kesemua yang ditangkap kini ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan untuk siasatan lanjut.

Mereka disiasat di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 32 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Shazeli menegaskan bahawa operasi sedemikian akan dipertingkatkan bagi membanteras perjudian haram.

“Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti jenayah digesa segera tampil menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak polis,”

Polis Tahan 72 Individu dalam Serbuan Judi Sabung Ayam di Klang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Tempatan	Dalam Talian	19 Jan



Gambar fail BERNAMA

72 individu termasuk 31 warga asing ditahan kerana judi sabung ayam dan bola golek di kebun haram Klang, dengan pertaruhan mencecah RM10,000.

SHAH ALAM: Polis menahan 72 individu dalam satu serbuan terhadap aktiviti perjudian haram di sebuah kebun haram di Klang.

Serbuan yang dikenali sebagai Op Cakar itu dijalankan berhampiran Pangsapuri Bayu Perdana pada kira-kira 5.30 petang semalam.

Ketua Polis Selangor Datuk Shazeli Kahar berkata dua lelaki bertindak sebagai penganjur manakala 70 lagi adalah pemain.

Daripada jumlah itu, 41 adalah warganegara Malaysia dan 31 adalah warga asing.

Sindiket itu dipercayai telah beroperasi selama enam bulan di lokasi terselindung itu.

“Aktiviti mereka dijalankan pada setiap hari Ahad,” katanya dalam satu kenyataan.

Polis merampas wang tunai berjumlah RM55,075 bersama pelbagai peralatan perjudian.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor yang turut serta menemui 14 ekor ayam hidup dan empat ekor ayam mati.

Ayam mati itu dipercayai akibat aktiviti sabung ayam.

Siasatan mendapati nilai pertaruhan bagi setiap perlawanan sabung ayam boleh mencecah sehingga RM10,000.

Kesemua suspek kini ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan untuk siasatan lanjut.

Mereka disiasat di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Siasatan juga dijalankan di bawah Seksyen 32 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Shazeli menegaskan operasi membanteras perjudian haram akan dipertingkatkan.

Beliau menggesa orang ramai tampil menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti jenayah kepada polis.-

THESUN

72 Individu ditahan Terlibat Judi Sabung Ayam dalam Kebun Haram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	19 Jan



Seramai 72 individu berusia antara 20 hingga 70 tahun ditahan polis selepas didapati terlibat dalam aktiviti perjudian haram melibatkan sabung ayam dan bola golek dalam op Cakar di Kawasan kebun haram berhampiran Pangsapuri Bayu Perdana, Klang pada 18 Jan.

SHAH ALAM, 19 Jan (Bernama) -- Polis menahan 72 individu berusia 20 hingga 70 tahun kerana terlibat dengan aktiviti perjudian sabung ayam dan bola golek, menerusi serbuah di kawasan kebun haram berdekatan Pangsapuri Bayu Perdana, Klang kira-kira 5.30 petang semalam.

Ketua Polis Selangor Datuk Shazeli Kahar dalam serbuah menerusi Op Cakar itu, pihaknya menahan dua lelaki

yang bertindak sebagai penganjur dan 70 orang pemain yang terdiri daripada 41 warga tempatan dan 31 bukan warganegara yang sedang leka berjudi di lokasi berkenaan.

“Serbuan kendalian Bahagian D7 (siasatan am, kongsi gelap dan perjudian) dan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor itu mendapati, sindiket berkenaan telah beroperasi selama enam

bulan dengan menjadikan kawasan kebun haram yang terselindung sebagai lokasi perlawanan pada setiap Ahad.

“Operasi tersebut turut menyita wang tunai berjumlah RM55,075 serta pelbagai peralatan perjudian selain Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor yang turut menyertai operasi itu, menemukan 14 ekor ayam hidup serta empat ekor ayam yang telah mati dipercayai akibat aktiviti sabung ayam,” katanya menerusi satu kenyataan, di sini hari ini.

Shazeli berkata siasatan lanjut mendapati, nilai pertaruhan bagi setiap perlawanan sabung ayam di situ mampu mencecah sehingga RM10,000.

Beliau berkata kesemua mereka yang ditangkap, kini ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 32 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Dalam masa sama, Shazeli menegaskan bahawa operasi sedemikian akan dipertingkatkan bagi membanteras perjudian haram

.“Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti jenayah digesa segera tampil menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak polis demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti di negeri ini terus terpelihara,” katanya.-BERNAMA

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR